

# KESALAHAN JENAYAH *QATLU SYIBHIL- 'AMD* (PEMBUNUHAN SERUPA SENGAJA): ANALISIS BAB 139, PERINTAH KANUN HUKUMAN JENAYAH SYARIAH, 2013, BRUNEI DARUSSALAM<sup>1</sup>

## *THE CRIME OF QATLU SYIBHIL- 'AMD (QUASI-INTENTIONAL HOMICIDE): AN ANALYSIS SECTION 139 OF THE SYARIAH PENAL CODE ORDER, 2013, BRUNEI DARUSSALAM*

Hajah Affie Azirah Musa<sup>1</sup>  
Zurairatul Zakiah DSS Haji Rajid<sup>2</sup>  
Haji Abdurrahman Raden Aji Haqqi<sup>3</sup>  
Hajah Nurzakiah Haji Ramlee<sup>4</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Undang-undang Sultan Haji Hassanah Bolkiah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Brunei Darussalam, (E-mail: 22MR1202@unissa.bn)

<sup>2</sup>Penolong Professor, Fakulti Syariah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Brunei Darussalam, (E-mail: zurairatul.hjrajid@unissa.edu.bn)

<sup>3</sup>Professor Madya, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Brunei Darussalam, (Email: abdurrahman.haqqi@unissa.edu.bn)

<sup>4</sup>Penolong Professor, Fakulti Syariah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Brunei Darussalam, (E-mail: nurzakiah.ramlee@unissa.edu.bn)

### Article history

**Received date** : 11-12-2023  
**Revised date** : 12-12-2023  
**Accepted date** : 10-4-2024  
**Published date** : 15-4-2024

### To cite this document:

Musa, A. A., Zurairatul, Z. Rajid., Haqqi, H. A. R. A., & Haji Ramlee, H. N (2024). Kesalahan jenayah Qatlu Syibhil- 'Amd (pembunuhan serupa sengaja): analisis bab 139, perintah kanun hukuman jenayah syariah, 2013, Brunei Darussalam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (61), 410 – 423.

**Abstrak:** *Kesalahan jenayah qatlu syibhil- 'amd (pembunuhan serupa sengaja) merupakan satu kesalahan yang menggabungkan kesengajaan dalam mencederakan dan pada masa yang sama ketiadaan niat untuk menyebabkan kematian seseorang dalam satu transaksi perbuatan. Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 telah meletakkan peruntukan khusus bagi jenayah ini yang perlu dipenuhi sebelum dihadapkan ke muka pengadilan. Cabaran dalam membuktikan kesalahan ini tidak terhad pada membuktikan wujudnya kematian semata, malah keterangan-keterangan yang menjurus kepada niat mencederakan dan hubungkait di antara tindakan pelaku dan kematian mangsa serta alat yang digunapakai dalam melakukan jenayah juga perlu dikemukakan. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti tafsiran jenayah qatlu syibhil- 'amd (pembunuhan serupa sengaja) di bawah bab 139, Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 serta mengenalpasti rangkaian sebab musabab dalam memahami hubungkait tindakan pelaku dengan kematian mangsa. Dalam mencapai objektif ini, kajian ini*

<sup>1</sup> Adaptasi daripada kertas kerja yang dibentangkan di *International Conference on Syariah & Law 2023 (ICONSYPAL2023)* anjuran Universiti Islam Selangor (UIS) pada 15 November 2023.

akan menggunakan metodologi perundangan secara kualitatif dan kritis dalam membahaskan konsep dan peruntukan undang-undang yang berkaitan. Hasil penilaian ini akan menekankan pemahaman yang mendalam berhubung bab 139 dan mengelakkan kekeliruan dalam menentukan jenis *qatl* yang telah dikanunkan di dalam Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013.

**Kata Kunci:** *Qatlu Syibhil- 'Amd - Bab 139- Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013.*

**Abstract:** *Qatlu syibhil- 'amd (quasi- intentional homicide) is a syariah criminal offence where there is intention of inflicting harm without intending of ensuing death towards the victim occurs in one occasion. The Syariah Penal Code Order, 2013, has codified this offence within a specific provision that must be fulfilled prior brought to the court. The challenges are not solely in proving the existence of the death, but also to determine the intention and the link between the act of inflicting harm and the resulting death as well as in identifying weapons which have been used. Therefore, this paper aims to analyse the interpretation of qatlu syibhil- 'amd (quasi- intentional homicide) in section 139, The Syariah Penal Code Order, 2013 as well as to identify chain of causation in order to understand the relationship between the assailant's act and the death of the victim. In order to achieve this objective, the study uses legal methodology in qualitative research involves in critical analysing the concepts and the related legal provisions. The result of this research emphasizes in understanding the section of 139 as well as to avoid confusion in determining the types of qatl that have been codified in the Syariah Criminal Penal Code Order, 2013.*

**Keywords:** *Quasi- Intentional Homicide - section 139- Syariah Penal Code Order, 2013*

---

## Pendahuluan

Negara Brunei Darussalam telah mengkanunkan kesalahan-kesalahan syariah yang terdiri daripada kesalahan-kesalahan am seperti tidak menghormati bulan *Ramadhan* sehingga kesalahan-kesalahan yang berat merangkumi hukuman *hudud*, *qisas*, *diyat* mahupun *arsy*. Pada Bahagian IV, Penggal II dikhususkan peruntukan bagi hukuman *qisas*, *diyat* dan *arsy* iaitu melibatkan kesalahan *qatl* dan kecederaan. Antara peruntukan *qatl* yang dikanunkan ialah jenayah *qatlu syibhil- 'amd* (pembunuhan serupa sengaja).

Kes jenayah *qatlu syibhil 'amd* (pembunuhan serupa sengaja) di dalam perintah ini eksklusif diperdengarkan di Mahkamah Tinggi Syariah. Kesalahan ini merupakan kesalahan yang boleh ditangkap tanpa waran dan tidak boleh diikat jamin melainkan diperkenankan atas budibicara Mahkamah. (Kanun Peraturan Jenayah Mahkamah Syariah, penggal 224, bab 323 (1) (b) & bab 324, 2018).

Peruntukan mengenai dengan jenayah *qatlu syibhil 'amd* (pembunuhan serupa sengaja) ini dibahagikan kepada beberapa bab yang menyentuh mengenai dengan tafsiran kesalahan, hukuman serta bukti yang perlu dikemukakan. Selain daripada itu, turut dikanunkan peruntukan percubaan, subahat serta beberapa peruntukan berhubung prosedur *diyat* bagi jenayah *qatlu syibhil 'amd* (pembunuhan serupa sengaja).

Kajian ini menfokuskan salah satu peruntukan yang menghuraikan tafsiran jenayah *qatlu syibhil 'amd* (pembunuhan serupa sengaja), iaitu diperuntukkan seperti berikut:

“*Qatlu syibhil-‘amd*.”

139. Bagi maksud-maksud Perintah ini, “*qatlu syibhil-‘amd*” bermakna suatu perbuatan yang dilakukan dengan sengaja dan dengan niat hendak mencederakan anggota badan atau akal fikiran seseorang, yang telah menyebabkan orang itu mati atau orang lain mati, sama ada perbuatan itu dilakukan dengan menggunakan senjata atau tidak dan perbuatan itu pada kebiasaannya tidak mungkin menyebabkan kematian.

*Misalan*

A kerana hendak menyebabkan kecederaan, memukul B dengan tongkat atau batu yang pada kebiasaannya tidak mungkin menyebabkan kematian. Akibat daripada kecederaan tersebut B telah mati. A adalah melakukan *qatlu syibhil-‘amd*.”

(Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013)

Justeru, matlamat kajian ini akan mengupas tafsiran jenayah *qatlu syibhil-‘amd* (pembunuhan serupa sengaja) di bawah bab 139, Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 disamping mengenal pasti sebab musabab dalam memahami hubungkait tindakan pelaku dengan kematian mangsa.

### **Permasalahan Kajian**

Menyedari akan wujudnya fenomena melibatkan kelemahan dalam memahami tafsiran peruntukan telah menjurus kepada kekeliruan dalam mempertimbangkan keputusan atau sabitan yang bersesuaian. Ini merupakan cabaran yang dihadapi oleh institusi kehakiman luar negara yang mengkanunkan undang-undang substantif yang serupa iaitu jenayah *qatlu syibhil-‘amd* (pembunuhan serupa sengaja). (kes rayuan *Ghaffar Khan & Anor vs The State & Anor*; Kes semakan *Mst. Shabana Bibi vs The State & Others*. (2021)). Oleh yang demikian, kodifikasi peruntukan jenayah *qatlu syibhil-‘amd* (pembunuhan serupa sengaja) di dalam Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 amat memerlukan pemahaman yang baik dari sudut tafsiran bagi mengenal pasti elemen-elemen kesalahan di samping menjana keterangan yang berkualiti.

### **Kajian Literatur**

Jenayah *qatlu syibhil-‘amd* (pembunuhan serupa sengaja) merupakan salah satu *qatl* yang diiktiraf oleh jumhur *fuqaha*. Kesalahan ini memiliki konsep jenayah yang berbeza dengan jenayah *qatlul-‘amd* (pembunuhan dengan sengaja) dan jenayah *qatlul – khata’* (pembunuhan tidak sengaja). Perbincangan mengenai dengan jenayah *qatlu syibhil-‘amd* (pembunuhan serupa sengaja) ini seringkali disebut bergandingan dengan jenayah *qatl* yang lainnya sebagai perbandingan tafsiran serta hukuman yang dikenakan. Perkara ini dinukilkana antaranya di dalam karya-karya Amir Abdul Aziz(1997), Abdul Kadir ‘Audah(2009) dan Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha serta Ali asy-Syarbyji(2012).

Menelusuri kajian terdahulu, terdapat beberapa penulisan dalam bentuk kajian perbandingan dibuat sebagai salah satu cara kajian dalam menghuraikan jenis-jenis *qatl*, antaranya “*Perbandingan Jenayah Bunuh Di Antara Kanun Hukuman Jenayah (Penggagal 22) dan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013*” ditulis oleh Nurul Shamimi binti Haji Abdul Hamid (2017) merupakan salah satu kajian ilmiah yang membahaskan jenayah bunuh dan *qatl* bagi kedua-dua undang-undang yang dikuatkuasakan di Negara Brunei Darussalam. Selain daripada itu, kajian ilmiah “*Homicide In Islamic Law And Conventional Law As Applied In Bangladesh: A Comparative Analysis*” ditulis oleh Jiaor Rahman Munshi juga ada menjelaskan

kajian perbandingan jenayah kematian menurut perspektif undang-undang jenayah Islam dan undang-undang konvensional yang diamalkan di Negara Bangladesh.

Sehubungan itu, tumpuan kajian ini akan terhad pada salah satu *qatl* iaitu jenayah *qatlu syibhil-‘amd* (pembunuhan serupa sengaja) dalam konteks bab 139, Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 dalam memahami tafsiran jenayah tersebut dengan merujuk undang-undang serta hukum syara’ yang berkaitan.

### Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menumpukan penganalisisan terhadap frasa peruntukan (*analytical research*), membuat kesimpulan daripadanya dengan merumus kesimpulan itu untuk menyelesaikan persoalan undang-undang. (*Legal Research Methodology: Types And Approaches of Legal Research*, 2022) Kajian ini juga dikukuhkan dengan data-data dokumentasi daripada kitab-kitab *fuqaha*, kajian ilmiah serta kajian kes (*case study*) bagi menyempurnakan objektif kajian.

### Analisis Bab 139, Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013

Bab 139, Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 merupakan satu peruntukan yang menjelaskan tafsiran jenayah *qatlu syibhil ‘amd* (pembunuhan serupa sengaja). Peruntukan ini menjelaskan beberapa elemen-elemen yang perlu dipastikan wujud untuk memenuhi kehendak peruntukan jenayah *qatlu syibhil ‘amd* (pembunuhan serupa sengaja). Ketidaksempurnaan dalam membuktikan elemen kesalahan memberikan ruang kepada pelaku untuk tidak disabitkan kesalahan. (Anwarullah, 2015)

Analisis berhubung bab 139 ini dibahagikan kepada empat (4) perbincangan utama yang menyentuh mengenai dengan kesan daripada perbuatan jenayah *qatlu syibhil ‘amd* (pembunuhan serupa sengaja), iaitu kematian, perbuatan pelaku yang berniat untuk mencederakan, sifat perbuatan atau alat yang digunapakai serta hubungkait di antara kesan dan perbuatan pelaku.

### Kematian Berpunca Daripada Tindakan Pelaku

#### Tafsiran “perbuatan” merujuk bab 139, Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013

Bab 139 menyebutkan kematian terjadi akibat daripada suatu perbuatan, ini berdasarkan frasa “suatu perbuatan yang dilakukan dengan sengaja dan dengan niat hendak mencederakan anggota badan atau akal fikiran seseorang, yang telah menyebabkan orang itu mati atau orang lain mati ...”

Sepertimana yang diperuntukkan di dalam bab 2 (2), Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 bahawa dalam keadaan suatu perkataan atau ungkapan yang tidak ditakrifkan di dalam Perintah berkenaan adalah dibenarkan untuk merujuk Akta Tafsiran dan Perkara-perkara Am (Penggala 4) selagimana tidak bercanggah dengan Hukum Syara’. Istilah perbuatan itu sendiri dirujuk pada bab 3(1), Akta Tafsiran dan Perkara-perkara Am (Penggala 4) iaitu:-

“perbuatan, digunakan berkenaan dengan suatu kesalahan atau kesalahan sivil, termasuk suatu siri perbuatan-perbuatan, dan perkataan-perkataan yang merujuk kepada perbuatan-perbuatan yang dilakukan diperluaskan kepada peninggalan-peninggalan”.

Difahamkan disini, bahawa perbuatan jenayah terbahagi kepada dua bentuk iaitu perbuatan jenayah positif seperti memukul dan perbuatan jenayah negatif meliputi tindakan menahan diri daripada melakukan sesuatu perbuatan yang pada hakikatnya perlu dibuat seperti keengganan seorang ibu menyusukan anaknya sehingga menyebabkan kematian dan seumpamanya. (Hassan 'Ali as-Syazli, 2010). Kepelbagaian bentuk tindakan perbuatan ini boleh berlaku di dalam jenayah *qatlu syibhil-'amd* (pembunuhan serupa sengaja) selagimana ianya melibatkan penganiayaan terhadap nyawa seseorang khususnya menyebabkan kematian.

Selain daripada itu, perlu diambil perhatian juga apa-apa perbuatan yang dilakukan perlu menjurus kepada *qatl*. *Qatl* berdasarkan bab 124 (1), Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 bermakna perbuatan seseorang yang menyebabkan kematian orang lain. Perbuatan *qatl* ini perlu dibuktikan dengan wujudnya kematian mangsa sepertimana yang dinyatakan di dalam bab 139, iaitu jenayah *qatlu syibhil-'amd* (pembunuhan serupa sengaja) pada perintah yang sama.

### **Tafsiran “kematian” merujuk bab 139, Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013**

Tidak dinyatakan di dalam Perintah tersebut tafsiran spesifik mengenai dengan terma “mati”, akan tetapi telah dirujuk pengertiannya di dalam kamus serta rujukan undang-undang bahawa kematian itu bermakna perihal pengakhiran hayat seseorang, apabila fungsi fizikal dan organ-organ utama berhenti (Susan Ellis Wild, 2006). Selain itu juga, seksyen 46, Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 dan *The Pakistan Penal Code 1860*, telah mendefinisikan “kematian” merujuk kepada kematian seorang manusia, melainkan terdapat sebaliknya daripada konteksnya.

Ketiadaan tafsiran kematian berpotensi membuka ruang kepada pembaca dan pengamal undang-undang untuk mentafsirkan erti kematian dengan lebih leluasa. Pada masa yang sama turut mengundang pelbagai versi takrifan serta percanggahan pendapat dalam menetapkan maksud kematian di dalam perintah ini. (LBH API, 2015).

Umpamanya jika mangsa mengalami mati otak (*brain death*) akibat daripada kecederaan yang berpunca daripada tindakan pelaku. Persoalan yang timbul sama ada mati otak itu dianggap sebagai kematian menurut Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 atau sebaliknya. Tidak dinafikan dari sudut penghakiman, apabila wujudnya percanggahan atau keraguan timbul dalam sesuatu ungkapan, *ijtihad* Mahkamah digunapakai dalam menentukan makna atau perkataan tersebut. Perkara ini ada dinyatakan di dalam bab 2 (3) pada perintah yang sama. Namun perbahasan mengenai tafsiran kematian ini akan menjadi *ijtihad* tambahan yang perlu di ambil perhatian disebabkan ketiadaan tafsiran mengenainya.

### **Pelaku Bertindak Mencederakan Mangsa**

Niat pelaku berperanan penting dalam membezakan sama ada jenayah *qatl* tersebut adalah *qatlul-'amd* (pembunuhan dengan sengaja), *qatlu syibhil-'amd* (pembunuhan serupa sengaja) atau *qatlul – khata'* (pembunuhan tidak sengaja).

Niat sengaja untuk menyebabkan kematian adalah merujuk kepada pembunuhan dengan sengaja, niat sengaja untuk mencederakan namun tidak berniat untuk membunuh pula menjurus kepada pembunuhan serupa sengaja, manakala ketiadaan niat dalam menyebabkan kematian merujuk kepada pembunuhan tanpa sengaja (Abdul Kadir 'Audah, 2009).



Bab 139 telah mentafsirkan jenayah *qatlu syibhil- 'amd* (pembunuhan serupa sengaja) sebagai “perbuatan yang dilakukan dengan sengaja dan dengan niat hendak mencederakan anggota badan atau fikiran seseorang, yang telah menyebabkan orang itu mati atau orang lain mati,..”

Tidak dinafikan adanya kesengajaan berlaku iaitu suatu tindakan yang dilakukan dengan sengaja dan dengan niat hendak mencederakan mangsa, namun kesengajaan ini terhad pada perbuatan pelaku sahaja tapi tidak pada akibat daripada perbuatan tersebut, iaitu kematian. Pelaku hanya dapat menyangka terjadinya kecederaan tapi bukan kematian mangsa.

Justeru itu, perkara yang perlu diambil perhatian dalam tafsiran ini adalah wujudnya niat jahat untuk berbuat sesuatu yang dilarang namun tidak berkehendak untuk menyebabkan kematian. (Paizah, 2008). Sepertimana di dalam prinsip undang-undang jenayah, “*an act does not make a man guilty of a crime unless his mind be also guilty*” bermaksud suatu perbuatan itu tidak semestinya dianggap bersalah melainkan mindanya juga bersalah. (Ayush Jain & Sai Hasitha, t.t).

Jika pelaku bertindak untuk mencederakan namun perbuatan itu dilakukan atas alasan yang munasabah menurut undang-undang, maka perbuatan mencederakan itu adalah dikecualikan daripada bab 139.

Perbuatan-perbuatan yang dikecualikan itu digambarkan di dalam bab-bab serta misalan-misalan berikut:-

**a) Bab 11, Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013**

Bab ini memperuntukkan perbuatan yang mungkin menyebabkan kerosakan, tetapi dilakukan dengan tiada niat jenayah, dan bagi mencegah kerosakan lain yang lebih berat. Terma “kerosakan” di dalam bab ini boleh dirujuk di dalam tafsiran bab 2 di dalam Perintah yang sama, iaitu mana-mana kecederaan yang tidak sah dikenakan kepada mana-mana orang ke atas badan, akal, reputasi atau kerugian ke atas harta.

Bab 11, Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 mempunyai persamaan dari segi peruntukan dengan bab 81 Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22 dan *The Pakistan Penal Code* 1860. Walau bagaimanapun, pengkaji lebih cenderung mengguna pakai salah satu misalan pada bab 81 Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22 dan *The Pakistan Penal Code* 1860 dalam memahami maksud kerosakan yang dikecualikan oleh jenayah *qatlu syibhil- 'amd* (pembunuhan serupa sengaja). Iaitu seperti berikut:

“A, kapten sebuah vesel stim, dengan tiba-tiba dan tanpa apa-apa kesalahan atau kecuaiannya di pihaknya, mendapati dirinya dalam keadaan bahawa, sebelum dia dapat memberhentikan veselnya, dia mesti tidak dapat melanggar sebuah bot *B* dengan dua puluh atau tiga puluh orang penumpang di dalamnya, melainkan jika dia menukar haluan veselnya, dan bahawa, dengan menukar haluannya, dia mesti menghadapi risiko bahaya melanggar sebuah bot *C* dengan hanya dua orang penumpang sahaja di dalamnya, yang dia mungkin boleh mengelakkannya. Di sini, jika *A* mengubah haluannya tanpa niat hendak melanggar bot *C* itu dan dengan suci hati bagi maksud hendak mengelakkan bahaya kepada penumpang di dalam bot *B* itu, dia tidak melakukan suatu kesalahan, walaupun dia mungkin melanggar bot *C* itu dengan melakukan suatu perbuatan yang diketahuinya mungkin menyebabkan kejadian itu, sekiranya di dapati sebenarnya bahawa bahaya yang dia bermaksud

hendak mengelakkanya itu adalah sedemikian keadannya hingga boleh memaafkannya menghadapi risiko bahaya melanggar bot C itu.”

Berdasarkan misalan di atas, wujudnya risiko kerosakan di antara kedua-dua bot B dan C. Walau bagaimanapun atas dasar mengelakkan kemudaratan yang lebih teruk lagi, pelaku dengan suci hati telah memilih potensi kerosakan yang lebih ringan meskipun dia mengetahui disebabkan perbuatannya itu boleh mengundang kerosakan pada salah satu pihak. Pertembungan antara dua kerosakan ini diterima pakai di dalam kaedah fiqhiyyah yang dipanggil sebagai:

إِذَا تَعَارَضَ مَفْسَدَتَانِ رُوعِيَّيَ أَكْبَرُهُمَا ضَرَرًا بِإِتِّكَابِ أَحَدِهِمَا

Ertinya: Apabila bertembungnya dua kemudaratan, maka ditolak mudarat yang paling besar dengan melakukan mudarat yang lebih ringan. (Ibn Nujaym, 1998).

**b) Bab 16, Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013.**

Salah satu perbuatan yang tidak dianggap sebagai jenayah atau khususnya jenayah *qatlu syibhil-‘amd* (pembunuhan serupa sengaja) adalah perbuatan yang tidak diniatkan, dan tidak diketahui sebagai mungkin, menyebabkan kematian atau kecederaan, dilakukan dengan kerelaan.

Misalnya:

“A dan B bersetuju bermain pedang antara satu sama lain untuk bersuka-suka. Persetujuan ini membayangkan kerelaan tiap-tiap orang untuk menanggung apa-apa kerosakan yang mungkin berlaku dengan tiada melanggar peraturan-peraturan dalam masa bermain pedang itu; jika A, semasa bermain dengan sepatutnya, mencederakan B, maka tidaklah melakukan apa-apa kesalahan.”

Disebabkan adanya persetujuan di antara kedua-dua pihak untuk menanggung risiko kerosakan yang boleh terjadi, maka perbuatan ini tidak dianggap sebagai jenayah menurut anggapan undang-undang.

**c) Bab 17, Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013.**

Perbuatan mencederakan yang dikecualikan sebagai perbuatan jenayah itu juga diperuntukkan di dalam bab 17 iaitu perbuatan yang tidak diniatkan bagi menyebabkan kematian, dilakukan dengan kerelaan dengan suci hati untuk faedah seseorang.

Seperti berikut:

“A, seorang doktor bedah, yang mengetahui bahawa suatu pembedahan yang tertentu mungkin menyebabkan kematian B yang menderita suatu kesakitan yang amat sangat, menjalankan pembedahan itu ke atas B, tetapi berniat dengan suci hati, untuk faedah B. Maka A tidaklah melakukan apa-apa kesalahan.”

Perbuatan ini dikecualikan disebabkan kedudukan pelaku yang dengan suci hati tidak bermaksud untuk menyebabkan kematian dan hanya semata-mata untuk memberikan suatu manfaat kepada mangsa. Walau bagaimanapun berakhir dengan kematian. Tindakan ini tidak dianggap sebagai jenayah *qatlu syibhil-‘amd* (pembunuhan serupa sengaja).

Selain daripada bab 17 di atas, bab 18, 20 serta 21 di dalam Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 juga ada menjelaskan perbuatan yang tidak dikategorikan sebagai perbuatan yang mempunyai niat jahat disebabkan tindakan yang dilakukan adalah dengan suci hati untuk faedah seseorang.

**d) Bab 35, Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013**

Jenayah *qatlu syibhil- 'amd* (pembunuhan serupa sengaja) juga tidak berlaku bilamana terjadinya hak pertahanan persendirian terhadap serangan yang boleh menyebabkan kematian bila ada risiko kerosakan kepada seseorang yang tidak bersalah.

Contoh yang diperuntukkan:

“A diserang oleh sekumpulan perusuh yang cuba hendak membunuhnya. Dia tidak dapat menjalankan hak pertahanan persendiriannya dengan berkesan tanpa melepaskan tembakan ke atas kumpulan perusuh itu, dan dia tidak dapat melepaskan tembakan itu tanpa risiko kerosakan kepada kanak-kanak yang bergaul dalam kumpulan perusuh itu, A tidaklah melakukan apa-apa kesalahan jika dengan melepaskan tembakan itu dia mencederakan mana-mana kanak-kanak itu.”

Oleh yang demikian, apabila pelaku dalam situasi mendesak sepertimana yang digambarkan contoh di atas, bahawa pelaku tidak mempunyai pilihan melainkan menyerang dan menyebabkan kerosakan pada orang yang berada berdekatan dengannya, maka situasi ini termasuk di bawah hak pertahanan persendirian.

Niat jahat hendak mencederakan seseorang tidak akan menjadi suatu kesalahan jika tidak diikuti dengan perbuatan jenayah itu sendiri. (Anwarullah, 2015). Niat pelaku mencederakan mangsa boleh disimpulkan melalui fakta dan keadaan persekitaran. Di dalam jenayah ini antaranya adalah melalui kecederaan yang ada pada mangsa.

Niat untuk mencederakan sepertimana yang dinyatakan di dalam bab 139, boleh terjadi sama ada pada anggota badan atau akal fikiran. Kecederaan dalam bentuk yang pertama iaitu anggota badan telah ditafsirkan di dalam bab 2 (1) pada perintah yang sama iaitu “anggota badan” juga termasuk organ dalaman. Oleh itu, mana-mana kecederaan yang terhasil daripada perbuatan pelaku yang meliputi luka pada anggota fizikal luaran dan dalaman adalah dianggap sebagai kecederaan pada anggota badan menurut undang-undang.

Di dalam kes *Ghaffar Khan and another Vs The State and another; Mst. Shabana Bibi vs The State and Others*, bahawa laporan *post-mortem* menyatakan bahawa kematian mangsa adalah disebabkan luka di bahagian kepala akibat hentakan daripada objek tumpul. Hentakan tersebut menyebabkan kematian mangsa secara serta merta. Kecederaan yang terjadi adalah dalam bentuk fizikal yang dibuktikan melalui penyiasatan forensik.

Manakala bagi kecederaan akal fikiran adalah kecederaan yang bersifat psikologi. Tafsiran mengenai bentuk kecederaan ini tidak ditemukan di dalam Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013, namun keadaan kecederaan ini boleh digambarkan sepertimana di dalam bab 22, perintah yang sama dengan tidak menghiraukan konteks peruntukan berkenaan, iaitu seperti berikut:

“Pemakluman dibuat dengan suci hati.



22. Pemakluman yang dibuat dengan suci hati tidaklah menjadi kesalahan oleh sebab apa-apa kerosakan kepada orang yang dimaklumkan itu, jika pemakluman itu dibuat untuk faedah orang itu.

Misalan

A, seorang doktor, dengan suci hati memaklumkan pendapatnya kepada pesakitnya bahawa pesakit itu tidak boleh hidup. Pesakit itu mati oleh sebab terperanjat. A tidaklah melakukan apa-apa kesalahan, meskipun dia mengetahui bahawa pemakluman itu mungkin menyebabkan kematian pesakit itu.”

(*Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013*)

Disini jelas dinyatakan bahawa kecederaan akal fikiran itu boleh terhasil disebabkan ketakutan atau terperanjat yang boleh mengganggu pemikiran mangsa yang tanpa diduga menyebabkan kematian.

Oleh yang demikian, penelitian terhadap kecederaan serta tindakan pelaku perlu diambil kira dalam menilai terjadinya jenayah *qatlu syibhil-‘amd* (pembunuhan serupa sengaja). Perkara ini hanya akan dapat diterokai melalui penilaian pakar-pakar. Iaitu merujuk bab 41, Perintah Keterangan Mahkamah Syariah 2001 adalah signifikan dalam memenuhi kehendak bab 139, Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013.

Bab 41 Perintah Keterangan Mahkamah Syariah 2001 memperuntukkan berikut:-

“Pendapat Pakar.

41. (1) Bila Mahkamah perlu membuat sesuatu pendapat atau mana-mana perkara mengenai undang-undang negara asing atau mengenai sains atau seni, atau tentang pengenalan atau ketulinan tulisan tangan atau cap jari atau tentang bentuk menentukan nasab, maka pendapat atas perkara itu dari pakar-pakar dalam undang-undang negara asing, sains atau seni itu atau dalam soal pengenalan atau ketulinan tulisan tangan atau cap jari atau tentang bentuk menentukan nasab, adalah qarinah.

(2) orang yang seumpama itu adalah dinamakan pakar.”

(*Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001*)

### **Tindakan atau Senjata Pelaku Pada Kelazimannya Tidak Mungkin Menyebabkan Kematian**

Jumhur *fukah* berpandangan bahawa niat adalah sesuatu yang tersembunyi dan hanya diketahui oleh Allah subhanahu wa taala. Penghakiman pula dikehendaki bersandarkan pada sesuatu yang zahir, justeru itu dalam membuktikan niat pelaku pembunuhan, alat yang digunapakai akan memberikan gambaran atau cerminan terhadap niat pelaku tersebut (Ibnu Rusydi, 1991).

Jenayah *qatlu syibhil-‘amd* (pembunuhan serupa sengaja) merujuk bab 139 menjelaskan bahawa perbuatan pelaku untuk mencederakan mangsa pada kebiasaannya tidak berpotensi menyebabkan kematian. Tindakan tersebut boleh terjadi dengan kewujudan alat senjata seperti batu, tongkat atau seumpamanya atau dalam bentuk perbuatan sahaja seperti pukulan, tamparan, mengurung mangsa dan sebagainya. (Abdul Kadir ‘Audah, 2009).

Imam Syafi'e dan Imam Ahmad menilai sama ada perbuatan atau senjata itu lazimnya tidak mungkin menyebabkan kematian adalah dengan melihat keseluruhan keadaan yang melibatkan bentuk perbuatan, keadaan perlakuan, keadaan mangsa, kedudukan kecederaan serta pengaruh kecederaan tersebut pada anggota yang dcederakan (Paizah,2008).

Imam Abu Hanifah pula berpandangan perlu diperhatikan pada bagaimana suatu tindakan atau alat itu dipersiapkan. Jika dimaksudkan untuk membunuh, meskipun ianya cemeti atau lontaran batu, ianya tidak dapat dianggap sebagai jenayah *qatlu syibhil-'amd* (pembunuhan serupa sengaja). (Sayeed Sikandar,2000).

Oleh kerana setakat ini, tiada kes kematian yang melibatkan jenayah *qatlu syibhil-'amd* (pembunuhan serupa sengaja) diperdengarkan di Mahkamah Syariah. Pengkaji telah merujuk beberapa kes Pakistan dalam memahami penilaian perbuatan atau senjata yang lazimnya tidak mungkin menyebabkan kematian.

Di dalam kes rayuan *Lutf-ur- Rehman & another vs The State etc* (2020), kes ini telah diubah keputusannya daripada jenayah *qatlul-'amd* (pembunuhan dengan sengaja) kepada jenayah *qatlu syibhil-'amd* (pembunuhan serupa sengaja). Ini disebabkan penggunaan alat untuk mematikan mangsa adalah bukan termasuk dalam kategori alat yang lazimnya menyebabkan kematian. Perayu telah mencederakan mangsa pada kaki kiri dengan menggunakan alat pertanian yang dipanggil sebagai “ghanti”.

Dalam penghakiman rayuan menghuraikan bahawa keretakan pada kaki kiri mangsa adalah punca kematian mangsa. Mangsa bukan mati secara serta merta setelah pergelutan berlaku terjadi, beliau dalam keadaan waras sehingga pada suatu ketika kesihatan mangsa merosot dan menyebabkan dirinya meninggal dunia. Di dalam ulasannya lagi menyatakan pemilihan senjata perayu menunjukkan ketiadaan niat untuk membunuh. Jika perayu mempunyai niat membunuh, senjata yang digunakan seharusnya bersifat mematikan.

Melalui kes ini disimpulkan bahawa kedudukan kecederaan dan pemilihan senjata adalah signifikan dalam menilai sama ada perbuatan atau senjata yang pada kebiasaannya tidak mungkin mematikan.

Kemudian di dalam kes *Ghaffar Khan and another Vs The State and another; Mst. Shabana Bibi vs The State and Others* (2021), Perayu telah memukul mangsa dengan tumbukan dan penggunaan batu secara spontan yang berada di perkarangan rumah mangsa. Kawasan rumah mangsa adalah dimaklumi kawasan berbatu-batu. Kematian mangsa telah disahkan akibat daripada hentakan daripada objek tumpul dan menyebabkan mangsa mati dengan serta merta.

Mahkamah menilai kes ini sesuai disabitkan dengan jenayah *qatlu syibhil-'amd* (pembunuhan serupa sengaja) daripada jenayah *qatlul-'amd* (pembunuhan dengan sengaja) kerana Mahkamah tidak mendapati ada bukti-bukti muslihat atau perancangan perayu untuk membunuh. Pergelutan adalah berpunca daripada bangkitan marah terhasil daripada pertengkaran mulut di antara perayu dan mangsa. Jika perayu telah merencanakan pembunuhan, pisau atau seumpamanya adalah menjadi pilihan alat yang digunapakai oleh perayu. Selain daripada itu, tiada catatan permusuhan diperolehi diantara keduanya.

Melalui kes di atas, penilaian alat lazimnya tidak mematikan dilihat juga dari mana alat itu diperolehi dalam membantu memberikan gambaran kesengajaan pelaku untuk menyakiti

mangsa tidak tejumlah memamatkan. Faktor luaran seperti kedudukan hubungan diantara mangsa dan pelaku, rentetan fakta juga turut membantu dalam menilai perkara ini.

### **Hubung kait Sebab Musabab antara Perbuatan dan Kematian**

Liabiliti jenayah *qatlu syibhil-'amd* (pembunuhan serupa sengaja) berdasarkan bab 139, Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 memerlukan hubungkait perbuatan jenayah pelaku dengan kematian.

Perkara ini dapat dilihat di dalam misalan yang digambarkan iaitu, “A kerana hendak menyebabkan kecederaan, memukul B dengan tongkat atau batu yang pada kebiasaannya tidak mungkin menyebabkan kematian. Akibat daripada kecederaan tersebut B telah mati. A adalah melakukan *qatlu syibhil-'amd*.”

Melalui misalan di atas disimpulkan bahawa A sebagai pelaku bertindak mencederakan mangsa iaitu B dengan memukul menggunakan tongkat atau batu yang diketahui pada kelazimannya menyakitkan akan tetapi tidak membawa kepada kematian. Walau bagaimanapun di dalam situasi ini, pukulan tersebut menyebabkan B mati. Di dalam perkara ini, A adalah penyebab kematian B disebabkan pukulan tersebut.

Rantainya sebab musabab ini perlu dipastikan tidak terputus disebabkan oleh faktor-faktor lain seperti kecederaan yang melampau terhadap mangsa yang bukan berasal daripada akibat perbuatan mangsa. Penjagaan rantaian sebab musabab ini adalah untuk memastikan bahawa punca kematian adalah disebabkan tindakan pelaku .

Dalam situasi tindakan pelaku terhadap mangsa tidak mempunyai hubung kait yang menyebabkan mangsa mati, maka pelaku tidak memiliki liabiliti atas kematian mangsa namun mungkin memiliki liabiliti jenayah yang lain seperti kesalahan mencederakan atau serangan terhadap mangsa.

Sepertimana di dalam *Kes Sulaiman vs State etc* (2019), pertuduhan jenayah *qatlu syibhil-'amd* (pembunuhan serupa sengaja) tidak disabitkan disebabkan beberapa faktor dan antaranya adalah keputusan bedah siasat si-mati yang menunjukkan kematian adalah akibat serangan jantung dan tidak dijumpai kesan kecederaan sepertimana yang dinyatakan oleh saksi-saksi pendakwa.

Menurut saksi perubatan, kematian tidak lazim boleh saja berlaku dengan kecederaan yang berpunca daripada senjata api, kemalangan, senjata tajam, diracun atau seumpamanya, namun di dalam kes ini tiada sebarang kesan-kesan kecederaan ditemukan.

Mahkamah berpendapat tumbuk dan terjang merupakan perbuatan yang pada kebiasaannya tidak sampai memamatkan mangsa namun di dalam kes ini pensabitan jenayah *qatlu syibhil-'amd* (pembunuhan serupa sengaja) adalah tidak mencukupi. Berdasarkan kes tersebut, perlunya ada hubung kait perbuatan pelaku dengan kematian mangsa dengan merujuk laporan perubatan dan keterangan-keterangan lain untuk meyakinkan Mahkamah bahawa pelaku wajar untuk dikenakan liabiliti jenayah.

Campurtangan faktor lain boleh terjadi di antara perbuatan pelaku dan kematian mangsa, walau bagaimanapun hubung kait tersebut tidak akan terputuskan selagimana unsur-unsur yang mengganggu tersebut tidak bersifat memudaratkan dan mengubah rantaian hubung kait

tersebut. Sepertimana di dalam kes *R v Smith* (1959) yang menyatakan ketidakwajaran untuk menyalahkan pihak hospital akibat daripada kelalaian perubatan sedangkan kecederaan si-mati merupakan punca yang masih berlangsung sehingga menyebabkan kematiannya.

Mahkamah di dalam kes ini membuat penilaian bahawa rantaian sebab musabab hanya akan terputus sepertimana di dalam ulasannya berikut:-

*“...unwarrantable, a new cause which disturbs the sequence of events and can be described as either unreasonable or extraneous or extrinsic”.*

Kira-kira bermaksud:

...sesuatu yang tidak wajar, suatu punca baharu yang mengganggu rantaian peristiwa dan boleh disimpulkan sebagai tidak munasabah atau punca luaran.

Berdasarkan perbincangan di atas, meskipun bab 139 tidak menyatakan dengan jelas keperluan mengetahui hubung kait di antara tindakan pelaku dan kematian. Perkara ini perlu dibuktikan bukan sahaja untuk menentukan jenis *qatl* malah untuk meyakinkan mahkamah bahawa kematian yang berlaku merupakan akibat daripada perbuatan pelaku dan bukan terjadi disebabkan unsur-unsur lain.

### **Kesimpulan**

Jenayah *qatlu syibhil-‘amd* (pembunuhan serupa sengaja) adalah perbuatan jenayah yang melibatkan nyawa. Meskipun bukan dikategorikan sebagai kesalahan *qisas*, Hukum Syara’ dan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 telah menetapkan hukuman yang tidak kurang beratnya ke atas pesalah yang disabitkan.

Dengan melihat kepada tahap keseriusan jenayah ini, keterangan-keterangan yang dikemukakan setentunya perlu berkualiti dan mampu meyakinkan Mahkamah untuk mencapai prospek sabitan yang sewajarnya.

Persoalan perundangan di dalam bab 139 merangkumi isu tafsiran serta keperluan saksi pakar seperti pakar forensik atau patologi, begitu juga kepekaan dalam menghuraikan permasalahan sebab musabab perlu diambil perhatian sebagai satu langkah dalam membuktikan jenayah *qatlu syibhil-‘amd* (pembunuhan serupa sengaja). Disamping itu juga, dengan menanggapi persoalan perundangan ini, ianya juga akan membantu sebagai satu justifikasi untuk mengelakkan kekeliruan dalam menentukan hala tuju jenayah *qatl* tersebut.

## Rujukan

- Al-Qur'an al-Karim.
- 'Abdul Kadir 'Audah. Dr. (2009). *Tashrie al- Jinā'ī al-Islamie Muqaranan bil Qanun al-Wad'ie*. Maktabah Taufiqiyah.
- Ahsin Sakho Muhammad. Dr. K.H, Sayuti Anshari Nasutuion. Dr. K.H, H. Ahmad Sutarmadi. Prof. Dr. (Eds.). (t.t.). *Ensiklopedia Hukum Pidana Islam III*. Pt Kharisma Ilmu.
- 'Amir Abdul Aziz. Dr. (1997). *Al-feqh al- Jinā'ī fil Islam*. Dar As-salam.
- Anwarullah. Prof. Dr. Dss. (2015). *Criminal Law of Islam*. (2<sup>nd</sup> ed.). Pusat Dakwah Islamiyah.
- Ayush Jain & Sai Hasitha. (t.t). *Actus Reus and Mens Rea*. Academia.
- Bisjarah Zain as-Syidyak, Prof. Dr. (Ed.). *Qamus al-Mu'tamad as-Saghir, Arab-Arab*. Dar Sader Publisher.
- General Iftaa Department. (2015). Resolution No.(11) by the Board of Iftaa`, Research and Islamic Studies: "When is a Patient Considered Dead". *al-Iftaa.jo*. <https://aliftaa.jo/DecisionEn.aspx?DecisionId=333>.
- Hassan 'Ali as-Syazli. (2010). *al-Jinayat fil Fiqhil Islami Dirasat Muqaranatun Baina al-Fiqh Islami wal Qanun*. Cetakan kedua. t.pl: Dar al-kitab al-Jami'ie.
- Irsyad Fatawa. (2016, Februari 2). Irsyad Al-Fatwa Ke-100: Adakah Brain Death Dikira Sebagai Kematian?. *Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan*. <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/3175-brain-death>.
- Jalaluddin as-Suyuthi, Abdurrahman bin Abi Bakar bin Muhammad Ibn Sabilq ad-Diin al-khudairi as-Suyuthi. (2004). Muhammad Ibrahim 'Ubadah. (comp.). *Mu'jam Maqalid al-Ulum fil Hudud wa Rusum*. Maktabah Adab.
- Kes rayuan Cr. A No. 238-M/2020 & Cr. R No.48-M/2020 *Ghaffar Khan and another Vs The State and another ; Kes semakan Mst. Shabana Bibi vs The State and Others*. [2021] (Mahkamah Tinggi Peshawar Pakistan, 27 Mei 2021). Peshawar High Court
- Kes rayuan No. 963-P/2019 Sulaiman vs State etc. [2019] Mahkamah Tinggi Peshawar Pakistan, 04 Dismber 2019). <https://www.peshawarhighcourt.gov.pk/PHCCMS/retiredreportedJudgmenta.php?action=search>
- N.pb. (n.d). Legal Research Methodology: Types And Approaches of Legal Research. Diperolehi daripada: [https:// Legal Research Methodology: Types And Approaches of Legal Research \(iedunote.com\)](https:// Legal Research Methodology: Types And Approaches of Legal Research (iedunote.com)).
- Al-Mawardi, Abu Hassan Ali Bin Muhammad Bin Muhammad Bin Habib al-Basari al-Baghdadi. (2010). *Al- Ahkām al-Sultāniyyah*. Darul hadith.
- Ibnu Majah, Abū 'Abdillāh Muḥammad ibn Yāzīd Ibn Mājah al-Rab'ī al-Qazwīn. (2012). Bab Diyat Syibhil 'Amd Mughallazah. Al-muhaqiq Syuaib al-Arnūt, 'Adil Mursyid, Muhammad Kamil Qurrah Bilali, Abdul Latif Hirzullah. *Sunan Ibnu Majah*. (Jilid 3, No. Hadith. 2627, Hlm. 64). Dar Risalah 'Alawiyah.
- Imam Muslim, Abu Hassan Muslim bin al-Hujaj al-Qusyairi an-Nasaiburi. (2010). Bab Diyat ke atas Janin; dan Diyat bagi Pembunuhan Tidak Sengaja dan Pembunuhan Serupa Sengaja yang dikehendaki dibayar oleh 'Aqilah. al-Muhaqiq Muhammad Fuad Abdul Baqi, *Sahih Muslim*. (Jilid 3, No. Hadith.1681, Hlm. 1309). Matba'ah 'Isa al-Babil Halbi wa Syarikah.
- Al-Nawawī, Abū Zakariyyā Yaḥyā ad-din ibn Sharaf al-Nawawī. (2005). *Minhāj et-Tālibīn wa 'Umdatil Muftin fil fiqh*. al-Muhaqqiq 'Iwadh Qasim Ahmad 'Iwadh. Kitab al-Jirah. Dar al-Fikr.
- Paizah Haji Ismail. (2008). *Undang-undang Jenayah Islam*. Selangor: Tradisi Ilmu Sdn Bhd.
- Lembaga Bantuan Hukum Adikara Pancasila Indonesia. (2015). Pengertian Kematian Secara Hukum.*PengacaraNusantara*.<https://www.pengacaranusantara.com/2022/07/pengertian-kematian-secara-hukum.html>.



- Ibn Qudamah, Syamsuddin Abu Farj Abdurrahman bin Abi Umar Muhammad bin Ahmad bin Qudamah al-Muqaddasi.(1983). *Al-Mughni Wa Al-Syarh Al-Kabir 'Ala Matan Al-Muqni'*. Jilid.9. Dar Kitab al-'Arabi.
- Ibnu Rusydi. (1991). M.A Abdurrahman dan A. Haris Abdullah. (trans.). Muhammad A. Ridha (Ed.). *Tarjamah Bidayatu'l- Mujtahid*. Jilid 3. Kuala Lumpur: Victory Agencie.
- R v Smith, 2 QB. 35 (1959). <https://www.legum.app/courses/criminal-law/cases/case-briefs/xofFLSHiQwQVpcHYC6Wq>
- Susan Ellis Wild (Ed). (2006). *Webster's New World Law Dictionary*. Wiley Publishing, Inc.
- Wahbah Zuhaili. Prof. Dr. (2012). *Fiqh Manhaji*. (Jilid 3). Darul Qalam.
- Muhammad Sharif Chaudhry. M.A. (1997). *Code of Islamic Laws*. Impact Publication International Lahore.

### Statut

- Akta Tafsiran dan Perkara-perkara Am Penggal 4 (Negara Brunei Darussalam)
- Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001 (Negara Brunei Darussalam)
- Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 (Negara Brunei Darussalam)
- Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 (Negara Brunei Darussalam)
- The Pakistan Penal Code 1860* (Pakistan)